

NO SOALAN :87**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 27.07.2017****Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan menangani kekurangan rizab negara yang telah menurun daripada USD140 bilion pada tahun 2012 kepada USD98.7 bilion pada tahun 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan daripada YB. Telok Kemang yang dijadual pada hari ini bersama soalan daripada YB. Shah Alam yang dijadualkan pada 1 Ogos 2017, memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh isu yang berkaitan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan terkini rizab antarabangsa negara kekal kukuh berjumlah RM425.4 bilion atau USD99.1 bilion pada 14 Julai 2017. Paras rizab ini mencukupi untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. Di peringkat antarabangsa, kedudukan rizab ini diperakui memadai sekiranya mampu membiayai sekurang-kurangnya 3 bulan import tertangguh dan 1.0 kali hutang luar negeri jangka pendek.

3. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak menentu termasuk kejatuhan harga komoditi, terutamanya harga minyak mentah dunia, pertumbuhan yang lebih perlahan dalam kalangan ekonomi negara membangun seperti China; pengenalan dasar perlindungan perdagangan oleh AS serta ketidaktentuan pasaran kewangan global boleh memberi kesan kepada kedudukan rizab antarabangsa negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memantau dan mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan paras rizab kekal kukuh.

4. Jika dibandingkan dengan paras rizab pada tahun 2012 yang

berjumlah USD140 bilion, sememangnya paras rizab terkini adalah lebih rendah. Walaubagaimanapun, adalah wajar sekiranya perbandingan dilakukan dalam keadaan senario pertumbuhan ekonomi yang seumpamanya. Pada tahun 2012, ekonomi negara berkembang dengan kukuh, iaitu sebanyak 5.5% berbanding 2016 yang mana ekonomi telah berkembang sebanyak 4.2%. Peningkatan rizab pada tahun 2012 didorong oleh lebihan imbangan perdagangan yang tinggi, aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan serta aliran masuk dana portfolio jangka pendek.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

5. Prestasi perdagangan luar negeri dan pelaburan merupakan antara faktor penyumbang utama turun naik (*volatility*) paras rizab antarabangsa. Dalam hal ini, pelbagai langkah telah diambil oleh pihak Kerajaan dalam meningkatkan rizab. Ini termasuk memastikan prestasi eksport kekal memberangsangkan dengan meluaskan pasaran, mempelbagaikan dan meningkatkan nilai ditambah produk. Di samping itu, usaha-usaha juga diteruskan untuk menyediakan persekitaran kompetitif serta mesra perniagaan yang seterusnya akan menaikkan sentimen pasaran dan pelabur. Keberkesanan usaha-

usaha tersebut terbukti dengan peningkatan aliran masuk bersih FDI sebanyak RM17 bilion pada suku pertama 2017 berbanding RM13 bilion pada suku keempat 2016.

6. Selain itu, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan penurunan rizab antarabangsa dengan mengimbangi semula permintaan dan bekalan mata wang asing di pasaran tempatan sejak Disember 2016. Salah satu daripada inisiatif tersebut adalah dengan menggalakkan penukaran hasil perolehan eksport kepada ringgit. Ini telah menyokong mudah tunai pasaran pertukaran asing dengan melancarkan pengantaraan aliran keluar masuk dana pelaburan. Turun naik kadar pertukaran ringgit juga telah berkurang kepada 4.7% secara purata pada Jun 2017 berbanding 9.7% pada tahun 2016 atau pada tahap setinggi 12.0% pada Mac 2016.

7. Kedudukan rizab yang stabil ini telah meningkatkan daya tahan ekonomi negara dan keupayaan Malaysia untuk berhadapan dengan cabaran ekonomi dunia yang tidak menentu. Dalam pada itu, Kerajaan dan BNM akan sentiasa memantau kedudukan rizab antarabangsa dengan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan paras rizab ini kekal mencukupi, membantu untuk

bertindak sebagai penampan bagi memenuhi obligasi luaran.